

RM1.4 bina 20,000 rumah generasi kedua Felda

Utusan Online

12 APRIL 2013

MARAN 13 April - Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) memperuntukkan RM1.4 bilion bagi membina 20,000 unit rumah generasi kedua Felda di bawah Projek Perumahan Generasi Baru Felda (PGBF) dalam tempoh lima tahun.

Pengerusinya, Tan Sri Isa Abdul Samad berkata, Felda menyasarkan 4,000 unit rumah dijangka dapat disediakan setiap tahun.

Katanya daripada peruntukan itu, RM230 juta diperuntukkan bagi membina 1,872 rumah tersebut di negeri ini.

"Rumah yang dibina menggunakan Sistem Binaan Industri (IBS) berharga RM70,000 seunit itu apabila siap mempunyai tiga bilik, dua tandas, ruang tamu dan dapur.

"Bagi projek rumah PGBF di negeri ini ia dijangka dapat disediakan selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini," katanya ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Litar Lumba di tanah rancangan Felda Jengka 14, Bandar Tun Abdul Razak di sini semalam.

Yang turut hadir, penyandang Ahli Parlimen Kuala Krau, Datuk Ismail Mohamed Said; Pengarah Besar Felda, Datuk Faizoull Ahmad dan Pengurus Besar Felda Wilayah Jengka, Saari Din.

Sementara itu, Isa memberitahu, Felda akan membina lebih banyak litar lumba di tanah rancangan bagi mempopularkan sukan permotoran dan sekali gus mencegah belia serta remaja terbabit dalam perlumbaan haram.

"Kewujudan litar lumba ini secara langsung dapat menangani masalah sosial generasi baharu Felda khususnya dalam perlumbaan haram yang mengancam nyawa," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130414/dn_13/RM14b--bina-20000-rumah-generasi-kedua-Felda#ixzz2a0G7RuSV